

Ruj. Kami : PERB.PRJ(PELB.).09.172.Jld.2 ()
Tarikh : 12 Jamadilakhir 1444H
5 Januari 2023



MAJLIS DAERAH SIK

KENYATAAN TAWARAN

Majlis Daerah Sik mempelawa syarikat-syarikat dan orang perseorangan yang berminat untuk menyertai tawaran **Mengadakan Ekspo Jualan Sempena Ramadhan 1444H Di Tapak KDN (Bersebelahan Hotel Melor), Pekan Sik, Majlis Daerah Sik, Kedah Darul Aman**. Maklumat sebut harga serta syarat-syarat kelayakan adalah seperti berikut:

- Syarikat tempatan yang berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan **orang perseorangan (warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas)**. Sila lampirkan bersama **salinan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), salinan kad pengenalan pengurus dan rakan kongsi jika mempunyai rakan kongsi serta profail syarikat** semasa menghantar sebut harga tersebut.
- Syarikat-syarikat atau individu mestilah mempunyai **keuangan yang kukuh dan mampu menjelaskan keseluruhan bayaran setelah berjaya dalam pemilihan sebutharga tersebut. Bayaran keseluruhan perlu dijelaskan sebelum program ekspo dijalankan.**
- Syarikat-syarikat atau individu mestilah mempunyai **pengalaman yang berkaitan menyertai tawaran ini**. Sila lampirkan bersama **salinan Penyata Bank (3) tiga bulan yang terkini** semasa menghantar sebut harga tersebut.

| | |
|--|--|
| No. Sebut harga | MDS/PERB/SH/01/2023 |
| Jabatan yang mengeluarkan sebut harga | MAJLIS DAERAH SIK, KEDAH DARUL AMAN |
| Tajuk Sebut harga | CADANGAN MENGADAKAN EKSPLO JUALAN SEMPENA RAMADHAN 1444H DI TAPAK KDN (BERSEBELAHAN HOTEL MELOR), PEKAN SIK, MAJLIS DAERAH SIK, KEDAH DARUL AMAN |
| Harga (RM) | RM 50.00 (Senaskah) |
| Tarikh Tutup | 25 Januari 2023 |
| Masa | 12:00 Tengahari |

2. Borang-borang sebut harga boleh didapati di kaunter pembayaran Majlis mulai **11 Januari 2023 jam 9.00 pagi**. Setiap borang akan dikenakan bayaran sebanyak **RM50.00 (Ringgit Malaysia : Lima Puluh Sahaja)**.
3. Dokumen sebut harga yang telah disempurnakan hendaklah ditutup dengan menggunakan sampul surat yang di atasnya bertanda **SULIT** dan ditulis dengan terang **tarikh tutup**, dan **tajuk sebut harga** dan dialamatkan kepada :-

**Majlis Daerah Sik
08200 Sik
Kedah Darul Aman**

MAJLIS DAERAH SIK TIDAK TERIKAT UNTUK MENERIMA SEBUTHARGA YANG PALING RENDAH ATAU SEBARANG SEBUTHARGA.



**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH SIK
KEDAH DARUL AMAN**

**s.k : Ketua Jabatan Kesihatan dan Pelesenan, Majlis Daerah Sik
Ketua Bahagian Pengurusan Maklumat, Majlis Daerah Sik**